

**Rafidah Cadang Struktur Rasmi Kerajaan Bagi Pemerkasaan Ekonomi Wanita
Bernama
19 September , 2011**

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Keinginan bekas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tan Sri Rafidah Aziz, bagi wanita dalam Bajet 2012 ialah penubuhan satu struktur rasmi kerajaan untuk memperkasa wanita dalam ekonomi dari profil yang berbeza.

Beliau berkata langkah sedemikian akan banyak meringankan beban pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang terlibat dalam melatih wanita dan menjadi penggerak utama dalam mempengaruhi wanita untuk memperkasakan diri mereka sendiri.

Dengan adanya struktur rasmi sedemikian, wanita boleh mendapatkan latihan formal agar mereka boleh bergerak meningkat dari sudut ekonomi, katanya.

"Barulah kita nampak bilangannya, masa itu kita boleh lupakan kuota kerana bilangannya mungkin besar, lebih daripada 30 peratus.

"Jika kerajaan benar-benar serius untuk menyepadukan wanita dari sudut ekonomi dalam arus perdana, inilah caranya," katanya kepada pemberita di luar acara Forum Ekonomi Wanita Sedunia di sini Isnin.

Sebelum itu, Rafidah berkata kini tiba masanya wanita muda hari ini diberikan latihan dalam teknologi maklumat dan keusahawanan perniagaan agar mereka dapat melengkapkan diri.

"Kita serahkan pemerikasaan sosial dan pemerikasaan minda kepada NGO, tetapi pemerikasaan ekonomi mestilah dilaksanakan oleh Kerajaan," tegas Rafidah yang juga Ahli Parlimen Kuala Kangsar.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsbusiness.php?id=614453>